

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENINGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

1. Senaraikan pengiktirafan pelancongan antarabangsa sejak tahun 2023 yang telah diterima oleh Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Pulau Pinang terus mengekalkan reputasi cemerlang sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia apabila menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa daripada agensi pelancongan global, media antarabangsa dan platform penilaian pelancongan terkenal. Senarai berikut merangkumi pencapaian utama yang memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan di Asia Tenggara dan dunia:
 - (i) *The Travel* menamakan Pulau Pinang di tangga ke-13 dalam senarai "*The 18 Most Beautiful Southeast Asia Destinations.*";
 - (ii) *Ranking Royal* menilai Pulau Pinang sebagai negeri paling selamat untuk dilawati di Malaysia;
 - (iii) *TripAdvisor's Travelers' Choice 2022* menobatkan ESCAPE Penang sebagai taman tema ketiga terbaik di Asia;
 - (iv) *Travel + Leisure Southeast Asia* menamakan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pulau terbaik dalam *T+L Luxury Awards Asia Pacific 2023*;

- (v) *House Beautiful* menyenaraikan Pulau Pinang antara *Top 20* negara dan 3 bandar Asia yang memiliki antara jalan paling indah di dunia;
- (vi) *Malaysia Book of Records* mengiktiraf New World Park Food City sebagai tempat yang mempamerkan bilangan bendera negeri terbanyak di Malaysia;
- (vii) Shangri-La Rasa Sayang Resort & Spa memenangi Anugerah Utama dalam *Condé Nast Traveler's 2023 Readers' Choice Awards*;
- (viii) *Travel Weekly Asia Readers' Choice Awards 2023* menobatkan Pulau Pinang sebagai "*Best Island Destination – Asia Pacific.*";
- (ix) Platform pelancongan terbesar China, *Ctrip*, menempatkan Pulau Pinang di tangga ke-4 dunia selepas Abu Dhabi, England dan Hong Kong bagi kadar peningkatan tempahan sempena *China Golden Week*;
- (x) Dalam acara anugerah yang diadakan sempena *ITB Asia Travel Fair* di Singapura, *Ctrip* turut menganugerahkan Pulau Pinang sebagai "*Best Beach Destination of the Year.*";
- (xi) *Guangzhou Daily, China (Tourism Review 2023–2024)* menyenaraikan Pulau Pinang sebagai destinasi luar negara paling popular di Guangdong;
- (xii) *Holiday Money Report* menamakan Pulau Pinang sebagai destinasi ke-11 terbaik di dunia dari segi nilai pelancongan;
- (xiii) Pulau Pinang berada di tangga ke-4 daripada 10 bandar terbaik di Asia untuk ekspatriat berpindah (2024);
- (xiv) *Travel + Leisure Luxury Awards Asia Pacific 2024* menobatkan Pulau Pinang sebagai pulau ke-8 terbaik di Asia Pasifik;
- (xv) *Lonely Planet* menyenaraikan Pulau Pinang sebagai satu daripada 7 destinasi terbaik di Asia Tenggara untuk pengembara solo, serta antara 13 destinasi terbaik untuk dikunjungi di Asia;

- (xvi) *Post Office Travel Money Report 2025 (UK)* menempatkan Pulau Pinang di tangga ke-12 dunia sebagai “*Best-Value Holiday Destination.*”;
- (xvii) *Time Out* mengiktiraf Pulau Pinang sebagai antara 10 bandar makanan jalanan terbaik di Asia;
- (xviii) *Travelbinger* menamakan Pulau Pinang dalam senarai 13 lokasi ideal untuk persaraan di Asia bagi warga Amerika;
- (xix) *Smart Travel Asia* menempatkan Pulau Pinang di tangga ke-7 antara 10 destinasi pelancongan terbaik di Asia;
- (xx) *Condé Nast Traveler 2025* menobatkan Pulau Pinang dalam Top 10 “*Best Islands in Asia.*”; dan
- (xxi) *Penang Hill Funicular Railway* turut tersenarai antara “*Most Beautiful Funicular Railways Around the World*” oleh *Travel + Leisure Magazine*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

2. Jelaskan status terkini bagi kerja penempatan semula tanah tambun Pengkalan Weld secara terperinci.
 - (a) Senaraikan kerja-kerja susulan yang bakal dijalankan sehingga notis penempatan semula dan surat tawaran bagi penempatan semula dikeluarkan kepada penduduk yang terlibat termasuk jangka masa bagi kerja-kerja masing-masing.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menangani isu penempatan setingan secara berhemah dengan mengambil kira kebajikan penduduk serta keperluan pembangunan semasa. Pendekatan yang digunapakai meliputi pelaksanaan bancian, siasatan dan libat urus bersama penduduk bagi mengenal pasti status serta latar belakang penghuni sebagai asas pertimbangan Kerajaan Negeri dalam menentukan bentuk tindakan yang sesuai.
 - (a) Status terkini bagi kerja-kerja penempatan semula penduduk di Pengkalan Weld adalah seperti berikut:

Tarikh	Status Kerja
09 Januari 2025	PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) telah memperoleh kebenaran daripada Jawatankuasa Tanah Negeri bagi

	<p>cadangan pembangunan di tanah Kerajaan serta cadangan penyelesaian isu setinggan di kawasan tersebut.</p>
22 Januari 2025	<p>Kertas cadangan telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) secara dasar bagi cadangan kerjasama serta penempatan semula penduduk sedia ada.</p>
27 Mei 2025	<p>Mesyuarat bersama Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDTTL) telah diadakan bagi membincangkan kaedah penyelesaian pampasan kepada penduduk yang terlibat.</p>
11 Julai 2025	<p>Mesyuarat lanjutan telah diadakan bersama YB Wong Yuee Harn (ADUN Pengkalan Kota), YB Teh Lai Heng (ADUN KOMTAR) dan YB Lim Hui Ying (Ahli Parlimen Tanjong), yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri bagi membentangkan cadangan kaedah penyelesaian dan data bancian di kawasan tanah tambun Pengkalan Weld.</p> <p>YAB Ketua Menteri telah mencadangkan agar permohonan Pelan Kebenaran Merancang untuk kerja-kerja perobohan dikemukakan dengan segera bagi membolehkan pemasangan <i>hoarding</i> dilaksanakan selepas proses pemindahan penduduk selesai.</p> <p>PDTTL perlu menjalankan siasatan terperinci terhadap penduduk sedia ada dan memuktamadkan cadangan jenis pampasan.</p> <p>Bagi pihak Penang Development Corporation (PDC) pula, PDC sedang dalam proses memuktamadkan bentuk pampasan yang sesuai bagi penyewa-penyewa rumah kluster PDC seramai 37 orang di Pengkalan Weld.</p>

Tarikh	Status Kerja
11 Ogos 2025 sehingga 22 Ogos 2025	PDTTL telah melaksanakan bancian serta sesi siasatan terhadap keseluruhan penduduk yang terlibat. Berdasarkan hasil siasatan tersebut, PDTTL kini sedang menyediakan satu kertas pertimbangan untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi memutuskan hala tuju dan tindakan selanjutnya terhadap penempatan setingan di kawasan berkenaan.

Keadaan semasa di tapak tanah tambun Pengkalan Weld masih kekal seperti sedia ada.

Maklumat siasatan oleh PDTTL akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri sebelum diputuskan oleh PBN.

Setelah PBN membuat keputusan, Pentadbir Tanah akan melaksanakan keputusan tersebut dengan menyelaraskan bersama agensi-agensinya berkaitan dan memaklumkan keputusan tersebut kepada penduduk terlibat.

Proses penempatan semula dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2026 setelah Projek Cecil Residence yang dibangunkan oleh PDCCP memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*).

Pihak PDCCP sedang dalam proses penyediaan Pelan Kebenaran Merancang untuk kerja-kerja perobohan bangunan. Ia hanya akan dilakukan selepas kerja-kerja ukur selesai dilaksanakan pada penghujung bulan Disember 2025 atau pada awal bulan Januari 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

3. Adakah kesemua penduduk yang terlibat dalam perintah pindah Projek Foreshore Residence di Lebuhr Sandilands diberi pampasan seunit rumah seperti yang dijanjikan sejak dua penggal yang lalu tanpa sesiapa individu yang tertinggal?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) Sandilands Foreshore atau juga dikenali sebagai Foreshore Residence dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) seluas 4.23 ekar. Pembangunan ini merangkumi komponen sebanyak 321 unit RMKu B, 80 unit RMKu C2, 402 unit RMKu C3 serta 192 unit pangsupuri perkhidmatan.

Seramai 51 orang yang layak dan telah menerima Notis Perintah Pindah akan ditawarkan satu (1) unit rumah di Projek Foreshore Residence secara percuma berdasarkan Perjanjian Pampasan yang telah dimeterai antara pihak pemaju (Tanjung Villa Development Sdn. Bhd.) dan pemilik rumah yang terlibat.

Pihak Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melaksanakan sesi libat urus bagi memudahkan proses pendaftaran penerima pampasan yang belum berdaftar. Hasil semakan mendapati bahawa daripada keseluruhan 51 orang yang terlibat, seramai 38 orang telah ditawarkan rumah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui LPNPP. Baki penerima pampasan diminta untuk melengkapkan proses pendaftaran bagi

membolehkan tawaran rumah diberikan. Tawaran kepada individu yang masih belum menerima tawaran rumah hanya dapat dilaksanakan setelah mereka mendaftar atau disenaraikan sebagai pemohon aktif dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang dikawal selia oleh pihak LPNPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

4. MBPP pada tahun 2013 telah menangguhkan projek pembangunan parkir bertingkat di kawasan Gat Lebu Macallum. Masalah kekurangan parkir di kawasan perumahan tersebut semakin serius.
 - (a) Bilakah projek tersebut bakal dijalankan dalam rancangan MBPP bagi menunaikan rancangan sebelum ini?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa cakna terhadap isu kekurangan tempat letak kenderaan di sekitar Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 1 Tahun 2019 pada 9 Januari 2019 telah memutuskan bahawa cadangan pembangunan tempat letak kenderaan bertingkat di Gat Lebu Macallum tidak akan diteruskan oleh pihak MBPP kerana keluasan tapak projek yang kecil boleh mendatangkan gangguan kepada penduduk sekitar yang kini menggunakan kawasan tersebut sebagai tempat letak kenderaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN
KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

5. Penyambungan pengangkutan awam bawah projek LRT.
- (a) Adakah stesen *LinkBike* sedia ada mampu menampung keperluan penumpang LRT sebagai pengangkutan batu pertama dan terakhir?
 - (b) Huraikan rancangan MBPP untuk menambah baik sistem *LinkBike*, termasuk ke kawasan perumahan demi mendorong orang awam menaiki LRT.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Sejumlah 29 stesen dan 250 buah basikal *LinkBike* telah disediakan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) buat masa ini. Pihak MBPP berpandangan bahawa stesen *LinkBike* sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan orang awam yang menggunakan perkhidmatan LRT nanti. Namun, pihak MBPP mempunyai perancangan untuk mengembangkan sistem *LinkBike* untuk penyambungan ke stesen-stesen LRT.
- (b) Antara perancangan MBPP untuk menambah baik sistem *LinkBike* termasuk ke kawasan perumahan demi mendorong orang awam menggunakan perkhidmatan LRT adalah seperti berikut :

- (i) Membina dan menaik taraf laluan basikal dan pejalan kaki yang bersambungan;
- (ii) Menyediakan perkhidmatan sewaan basikal elektrik yang bersambungan dengan stesen LRT pada masa hadapan;
- (iii) Melaksanakan kajian mengenai pengurusan mobiliti di Pulau Pinang yang turut merangkumi kajian untuk meneliti integrasi pengangkutan awam termasuk LRT serta mengkaji lokasi *Park & Ride* yang bersesuaian bagi pengangkutan awam;
- (iv) Menyediakan pelan induk laluan basikal di kawasan George Town;
- (v) Menyediakan pelan induk laluan pejalan kaki dan reka bentuk tipikal yang disesuaikan dengan corak infrastruktur dan koridor jalan awam sedia ada di Pulau Pinang; dan
- (vi) Meneruskan penggunaan aplikasi mudah alih *PEARL-One Touch Penang* untuk menyokong penyewaan *LinkBike* serta pembayaran secara dalam talian.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

6. Adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan lagi laluan basikal yang selamat di sekitar kawasan laluan projek LRT dan juga kawasan George Town bagi menambah baik sistem pengangkutan awam secara menyeluruh selari dengan penyiapan kerja projek LRT menjelang tahun 2031?
- (a) Huraikan secara terperinci rancangan penambahan laluan basikal.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Kerajaan Negeri sedar bahawa satu strategi menyeluruh diperlukan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang selari dengan penyiapan kerja projek Transit Aliran Ringan *Light Rail Transit* – LRT menjelang tahun 2031. Sebagai salah satu inisiatif utama, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil langkah proaktif dengan merancang untuk menambahkan lagi laluan basikal yang selamat di sekitar kawasan laluan projek LRT dan kawasan George Town.

MBPP sememangnya mempunyai hasrat dan komitmen untuk mengembangkan infrastruktur pengangkutan awam inklusif serta menyokong mod pengangkutan aktif seperti berbasikal dalam mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas sedia ada di kawasan MBPP. Strategi ini adalah berpandukan kepada pewujudan satu sistem pengangkutan yang bersepadu *integrated* dan mampan *sustainable* dengan

menggalakkan penggunaan basikal selaras dengan slogan '*Cleaner, Greener, Healthier and Safer Penang*'. Hala tuju Kerajaan Negeri dalam usaha ini perlu diperkukuh dengan polisi dan garis panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal.

(a) Perincian rancangan penambahan laluan basikal yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui MBPP adalah seperti berikut:

- (i) Merangka pelan laluan basikal di kawasan Bayan Baru. Laluan basikal yang dirancang untuk disediakan di kawasan Bayan Baru ini adalah sepanjang 10 kilometer dan melibatkan rizab Sungai Keluang, Jalan Tengah, Persiaran Mahsuri, Jalan Mayang Pasir, Jalan Mahsuri dan Jalan Sultan Azlan Shah. Pembinaan laluan basikal yang terlibat ini adalah untuk menghubungkan kawasan perumahan dan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dengan stesen LRT serta sebagai batu pertama dan terakhir *first mile and last mile* bagi menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam; dan
- (ii) MBPP sedang dalam proses untuk melantik syarikat perunding bagi menjalankan kajian pengurusan mobiliti di kawasan George Town dan kawasan yang terlibat dengan jajaran LRT Mutiara. Perunding yang bakal dilantik ini akan menjalankan kajian menyeluruh mengenai kesesakan lalu lintas, laluan basikal, laluan pejalan kaki, lorong bas dan caj kesesakan *congestion pricing* di kawasan George Town termasuk jajaran LRT Mutiara. Penyediaan laluan basikal berserta dengan stesen basikal akan disediakan berdasarkan kepada hasil laporan kajian yang akan dilaksanakan oleh perunding kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

7. Bagi warga Pulau Pinang yang memerlukan keperluan asas seperti kerusi roda, tongkat, lampin sekali pakai dan sebagainya, Nyatakan bagaimana orang awam dapat memperolehnya secara percuma dan bantuan daripada pihak kerajaan selain daripada melalui peruntukan ADUN?
- (a) Jelaskan SOP dan kelayakan pemohon bantuan tersebut di atas.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Warga Pulau Pinang golongan B40 yang memerlukan bantuan asas seperti kerusi roda, tongkat, lampin pakai buang dan seumpamanya boleh memperolehnya daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui saluran bantuan yang berikut:

(i) **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang**

Barangan yang disediakan: Pihak JKM menyediakan Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (Bantuan Kesihatan & Perubatan). Bantuan ini meliputi alat-alat seperti kerusi roda, kaki/tangan palsu dan lain-lain alat sokongan perubatan.

Cara Permohonan: Permohonan bagi Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan boleh dibuat terus di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terdekat.

Syarat Kelayakan:

- (a) Pemohon mestilah seorang warganegara yang bermastautin di Malaysia.
- (b) Pemohon perlu mendapatkan syor perubatan bertulis daripada doktor.
- (c) Pemohon tergolong dalam kumpulan berpendapatan B40.

(ii) **Zakat Pulau Pinang (ZPP)**

Barangan yang disediakan: Bagi pemohon beragama Islam, ZPP menyediakan bantuan perubatan kepada golongan asnaf yang layak termasuk pembiayaan rawatan, ubat-ubatan dan bantuan alat perubatan seperti kerusi roda, kaki palsu, atau alat bantuan pendengaran.

Cara Permohonan: Pendaftaran dan permohonan terus melalui pejabat ZPP yang terdekat.

Syarat Kelayakan:

- (a) Beragama Islam.
- (b) Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap.
- (c) Bermastautin di Pulau Pinang sekurang-kurangnya 3 bulan.
- (d) Pendapatan keluarga tidak mencukupi Had Al Kifayah.
- (e) Tidak menerima bantuan dari mana-mana pihak atau telah menerima bantuan tetapi masih belum mencukupi.

(iii) **Pejabat MMK Kebajikan**

Barangan yang disediakan: Kerajaan Negeri melalui Pejabat EXCO Kebajikan turut menyediakan sebanyak 50 unit kerusi roda **percuma** setiap tahun.

Cara Permohonan: Permohonan bantuan ini hendaklah dikemukakan melalui Pusat Khidmat Wakil Rakyat

Kerajaan Perpaduan atau Pejabat Penyelaras KADUN. Permohonan akan diproses berdasarkan prinsip *first come, first served*, tertakluk kepada kelulusan YB kawasan sebagai keputusan muktamad.

Syarat Kelayakan:

- (a) Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia.
- (b) Pemohon tergolong dalam kumpulan berpendapatan B40.
- (c) Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut
- (d) Salinan Kad Pengenalan (IC)
- (e) Salinan Kad OKU (jika ada)
- (f) Gambar kehidupan harian terkini pemohon
- (g) Laporan perubatan (kerajaan atau swasta)
- (h) Semua dokumen perlu disahkan oleh YB Kawasan/
Kawasan/
- (i) Penghulu / Pengerusi MPKK.

Walau bagaimanapun, jika keperluan adalah mendesak, Pusat Khidmat boleh terus menghubungi Pejabat EXCO Kebajikan untuk menguruskan pinjaman kerusi roda atau tongkat terpakai melalui NGO di sekitar Pulau Pinang. Pemohon hanya perlu menyediakan bayaran deposit bagi tujuan peminjaman.

Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan semua Pusat Khidmat menjalankan kerjasama erat dengan NGO kebajikan agar bantuan dapat disalurkan dengan pantas dan berkesan, demi memastikan tiada golongan yang memerlukan terpinggir daripada perhatian.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

8. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menilai keberkesanan program bantuan jangka masa panjang sedia ada terhadap golongan yang memerlukan, seperti Bantuan JKM orang tua, OKU dan sebagainya?
- (a) Adakah terdapat mekanisme penilaian impak kepada kumpulan B40 ataupun golongan yang memerlukan secara tersasar?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Bagi menilai keberkesanan bantuan, JKM melaksanakan proses kaji semula bantuan bulanan ke atas penerima dalam tempoh tiga (3) bulan terakhir sebelum tamat tempoh kelulusan bantuan semasa. Proses ini bertujuan mengemas kini status penerima bantuan, menilai keberkesanan serta menentukan sama ada bantuan tersebut wajar diteruskan, disemak semula atau ditamatkan berdasarkan keadaan semasa penerima.
- (a) Antara mekanisme penilaian impak yang digunakan adalah menilai sama ada penerima tergolong dalam kategori produktif atau tidak produktif bagi menentukan bentuk intervensi yang sesuai.
- (i) Bagi Klien Produktif yang mempunyai keupayaan bekerja akan dirujuk kepada program pemerkasaan seperti *2 Years Exit Programme (2YEP)*, latihan kemahiran dan keusahawanan, atau program

bersama agensi seperti PERKESO, HRD Corp, TEKUN, dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); dan

- (ii) Bagi Klien Tidak Produktif seperti pesakit kronik atau terlantar akan terus menerima bantuan jangka panjang seperti Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), dan Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar/Pesakit Kronik (BPT).

Selain itu, JKM turut melaksanakan langkah-langkah tambahan bagi memastikan bantuan disalurkan secara bersasar dan adil, antaranya termasuk:

- (i) Penggunaan data e-Kasih (Pangkalan Data Kemiskinan Nasional) bagi menilai pendapatan isi rumah dan kelayakan berdasarkan garis kemiskinan;
- (ii) Semakan silang pangkalan data melalui Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat di peringkat Negeri dan Daerah bagi mengelakkan pertindihan bantuan antara agensi; serta,
- (iii) Menjalankan siasatan sosial oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat bagi mengesahkan maklumat pemohon dan menilai keperluan sebenar penerima.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

9. Nyatakan polisi sedia ada MBPP untuk menggalakkan penggunaan semula bangunan lama atau terbiar di kawasan George Town.
- (a) Adakah polisi sedia ada disambut baik dengan permohonan yang tinggi?
 - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri buat jangka masa panjang dalam mendorong lagi polisi demi rejuvenasi bangunan lama dan terbiar?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Polisi sedia ada yang diguna pakai dan diamalkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menggalakkan penggunaan semula bangunan lama atau terbiar di kawasan George Town adalah seperti berikut:
- (i) Mengguna pakai Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town (RKK TWDGT) yang menjadi rujukan utama MBPP dan agensi berkaitan dalam menilai permohonan pembaikan, pengubahgunaan atau pembangunan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang;
 - (ii) Menggalakkan pemuliharaan fizikal serta penggunaan semula bangunan lama dan terbiar supaya dapat terus dimanfaatkan secara ekonomi dan sosial tanpa menjejaskan

nilai warisan asal. Sebagai contoh, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dan MBPP telah melaksanakan Program Insentif Pembaikan Bangunan Warisan yang memberi sokongan kewangan kepada pemilik Bangunan Warisan Kategori I dan II; dan

- (iii) Memudahkan mekanisme dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan Pelan Bangunan di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang dengan membatalkan keperluan untuk mengemukakan permohonan Pelan Bangunan Prarundingan Warisan.
- (a) Pihak MBPP mendapati polisi sedia ada yang diguna pakai mendapat sambutan yang baik daripada pemilik bangunan dan pelabur tempatan. Berdasarkan rekod, pihak MBPP mendapati trend permohonan telah menunjukkan peningkatan sejak dua (2) tahun kebelakangan ini. Bilangan bangunan terbiar di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town didapati semakin berkurangan hasil galakan berterusan.

Selain itu, trend penggunaan semula (*adaptive reuse*) semakin meningkat, khususnya bagi Bangunan Warisan Kategori II yang telah diubah suai menjadi hotel butik, kafe, premis komersial dan lain-lain.

- (b) Antara perancangan Kerajaan Negeri buat jangka masa panjang dalam mendorong lagi polisi demi rejuvenasi bangunan lama dan terbiar adalah seperti berikut:
 - (i) Merancang untuk memperkukuh pelaksanaan RKK TWDGT dengan menyemak semula garis panduan konservasi, menambah baik prosedur kelulusan, serta memperkenalkan mekanisme pemantauan yang lebih cekap bagi memastikan semua projek selaras dengan Nilai Keunggulan Sejagat (*Outstanding Universal Value* - OUV) Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang;
 - (ii) Menyediakan bantuan teknikal kepada perunding, pemilik dan kontraktor dalam aspek konservasi, dokumentasi, dan penyediaan *Heritage*

Impact Assessment (HIA) bagi memudahkan proses kelulusan. Langkah ini juga memastikan kerja-kerja pemuliharaan dilaksanakan mengikut piawaian serta garis panduan yang ditetapkan; dan

- (iii) Memperkukuh kerjasama strategik dengan agensi-agensi Kerajaan, badan berkaitan serta sektor swasta bagi memperluas pelaksanaan projek penggunaan semula (*adaptive reuse*) sebagai salah satu langkah galakan utama ke arah rejuvenasi bangunan lama dan terbiar di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

10. Bandar mesra usia.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperkenalkan sebarang insentif bagi pengusaha yang menubuhkan pusat aktiviti sosial atau seni komuniti?
- (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menghidupkan semula bangunan terbiar menjadi ruang komuniti bandar?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan untuk memperkenalkan insentif baharu buat masa ini bagi pengusaha yang menubuhkan pusat aktiviti sosial atau seni komuniti di bawah Bandar Mesra Usia. Walau bagaimanapun, MBPP mempunyai insentif sedia ada yang diberikan kepada mana-mana Pusat Aktiviti Sosial atau Seni Komuniti seperti berikut:
- (i) Pengecualian cukai pintu secara bertempoh ke atas bangunan yang telah diluluskan kegunaan sebagai Pusat Aktiviti Sosial atau Seni Komuniti yang bukan untuk tujuan keuntungan sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan perlu mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan;

- (ii) Pengurangan kadar sewa sedia ada kepada kadar sewa Badan Bukan Kerajaan (NGO) sekiranya melibatkan bangunan MBPP dan mematuhi garis panduan penyewaan premis MBPP oleh NGO; dan
 - (iii) MBPP telah menyewa premis di 252A, Jalan Air Itam untuk dijadikan sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas bagi komuniti warga emas berkumpul dan melaksanakan aktiviti bersama.
- (b) Komponen ruang awam dan bangunan telah dikenal pasti sebagai salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan Pelan Strategik Bandar Mesra Usia : Pulau Pinang. Pihak MBPP mengambil tindakan untuk menghidupkan semula bangunan terbiar dengan membuka iklan penyewaan secara terbuka dan *Request for Proposal* (RFP) bagi premis kosong. Pihak MBPP juga menjalankan kajian pengukuhan bangunan serta melaksanakan kerja-kerja menaik taraf keseluruhan bangunan bagi memastikan keselamatan, keselesaan penyewa dan komuniti setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

11. Berapakah stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) disediakan di Pulau Pinang setakat ini?
- (a) Senaraikan pengusaha-pengusaha yang sedia ada dengan kadar caj masing-masing.
 - (b) Nyatakan kadar penggunaan stesen EV.
 - (c) Berapakah petak parkir dikeluarkan dan diganti dengan stesen EV?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Sejumlah 460 unit pengecas kenderaan elektrik (EV) telah disediakan di Pulau Pinang buat masa ini.
- (a) Pengusaha-pengusaha yang sedia ada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan kadar caj pengecasan adalah seperti berikut:

Bil.	Operator Pengecas	Jenis EVCB	Harga /kWh
1.	Chargesini	AC	RM1.09
		DC	RM1.19
2.	Gentari	DC	RM1.60

Proses pemasangan unit pengecasan EV oleh pengusaha di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masih dilaksanakan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2026. Kadar pengecasan oleh pengusaha di bawah seliaan MBSP belum ditentukan buat masa ini.

- (b) Kadar purata penggunaan stesen pengecasan EVCB yang diselia oleh MBPP pada masa kini adalah dari 1% sehingga 13% berdasarkan lokasi. Pihak MBSP tidak dapat menganggarkan kadar penggunaan stesen EV secara keseluruhan buat masa ini, memandangkan kerja-kerja pemasangan fasiliti oleh pengusaha di bawah seliaan MBSP masih dijalankan.
- (c) Sebanyak 147 unit petak parkir di kawasan MBPP dan 100 unit petak parkir di kawasan MBSP telah dikeluarkan dan diganti dengan stesen EV.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

12. Adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan lebih banyak program latihan semula (reskilling) untuk golongan yang kehilangan kerja akibat perubahan pasaran ekonomi sekarang?
- (a) Senaraikan program latihan semula dan cara permohonan/ penyertaan.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri kekal komited dalam menyokong program latihan semula bagi individu yang terkesan akibat perubahan pasaran ekonomi semasa. Inisiatif ini bertujuan untuk melengkapkan golongan yang kehilangan pekerjaan dengan kemahiran yang relevan mengikut industri serta membantu mereka memasuki sektor pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi.

Bagi merealisasikan matlamat ini, Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama dengan institusi latihan dan rakan industri untuk membangunkan lebih banyak program latihan semula (reskilling) dan peningkatan latihan (upskilling) merentasi pelbagai sektor, sebagai usaha memperkukuh daya tahan tenaga kerja dan menyokong pemulihan ekonomi.

- (a) Program latihan semula yang sedang ditawarkan oleh *Penang Skills Development Centre* (PSDC) ialah Program *IC Design Mastery* yang dilaksanakan di bawah *Penang Chip Design Academy* (PCDA) yang diuruskan

oleh PSDC. Program tersebut merupakan sebahagian daripada strategi PSD@5KM+ yang dirangka untuk menyediakan peluang latihan semula dan peningkatan kemahiran secara khusus. Butiran terperinci tentang program yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

(i) Kumpulan Sasaran

Graduan baharu, professional pertengahan kerjaya, dan individu yang kehilangan pekerjaan akibat gangguan ekonomi;

(ii) Fokus Industri

Elektrikal & Elektronik (E&E), Mikroelektronik, dan bidang kejuruteraan berkaitan;

(iii) Objektif Program

Melahirkan bakat yang berkelayakan dalam reka bentuk IC (*Integrated Circuit*), iaitu peranan strategik dalam industri semikonduktor; dan

(iv) Kelayakan

Pemohon perlu lulus penilaian awal, termasuk semakan kelayakan akademik, untuk dipertimbangkan bagi penyertaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri secara kolektif bersama Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sedang melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kemahiran kepada mereka yang kehilangan pekerjaan melalui program *reskilling* dan *upskilling* agar memenuhi permintaan pemain industri pada masa kini. Antaranya ialah:

- (i) Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara PERKESO, Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) dan *HCL Technologies Malaysia Sdn. Bhd.* di bawah Program Latihan *Next TECH* yang bertujuan untuk membantu individu hilang pekerjaan dan golongan lain seperti graduan, pencari kerja dan pekerja gig

dalam latihan kemahiran semula, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran berdasarkan modul latihan keselamatan siber, sains data dan kecerdasan buatan (AI); dan

- (ii) Melaksanakan program-program kebolehpasaran pekerjaan bagi menarik perhatian dan minat golongan pencari kerja seperti Karnival Pekerjaan, Program Temu Duga Khas, Program Temu Duga Mingguan, *Career Talk*, Program *Profiling* Golongan Sasar, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya dan pelbagai program berteraskan Pembangunan modal insan.

Statistik menunjukkan bahawa sejak Januari hingga 24 Oktober 2025, seramai 11,0147 Orang Berinsurans (OB) di Negeri Pulau Pinang yang kehilangan pekerjaan telah memohon untuk menjalani program *upskilling* dan *reskilling* di bawah faedah LINDUNG Kerjaya. Daripada jumlah tersebut, seramai 10,713 peserta telah diluluskan untuk menjalani program latihan dan seramai 3,460 peserta mendapat pekerjaan. Antara program latihan semula yang bersesuaian dengan permintaan pasaran pekerjaan semasa yang ditawarkan di bawah PERKESO adalah *Digital Marketing*, *AI* dan *Cybersecurity*.

PERKESO juga menyediakan penggantian pendapatan dan bantuan kehilangan pekerjaan di bawah LINDUNG Kerjaya. OB dikehendaki mengemukakan permohonan LINDUNG Kerjaya di Pejabat PERKESO yang terdekat dalam tempoh 60 hari dari tarikh kehilangan pekerjaan dan memenuhi syarat kelayakan caruman, antaranya ialah mempunyai bilangan caruman yang mencukupi serta tidak bekerja mengikut definisi kehilangan pekerjaan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Sekiranya permohonan diluluskan, OB juga boleh memilih untuk menghadiri latihan kemahiran semasa menganggur atau selepas diambil bekerja dengan majikan baru yang mana ini adalah sebahagian daripada program pasaran buruh aktif di bawah LINDUNG Kerjaya.

Di samping itu, terdapat juga pelbagai inisiatif yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Pulau Pinang yang kehilangan kerja termasuklah:

- (i) Latihan *Reskilling* HRD Corp yang menyediakan pembiayaan untuk kursus latihan semula dalam pelbagai kemahiran industri yang melatih individu yang baru menyertai pasaran kerja atau pekerja yang perlu beralih ke peranan baharu terutamanya dalam bidang digital;
- (ii) *Penang Young Digital Talent Program* di bawah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) iaitu program *reskilling* yang bertujuan untuk membantu golongan lepasan universiti dan belia menguasai kemahiran digital dan ekonomi gig bagi membolehkan mereka beralih ke pekerjaan dalam ekonomi digital; dan
- (iii) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang melatih semula komuniti luar bandar dan golongan B40 dalam kemahiran baharu seperti hospitaliti dan kemahiran kraf bagi membolehkan mereka memperoleh pekerjaan yang lebih baik dan tetap dalam sektor kemahiran yang berkembang.

Bagi tujuan permohonan kursus dan cara mendapatkan maklumat spesifik seperti tarikh, lokasi dan syarat-syarat kursus, pemohon boleh merujuk kepada portal rasmi agensi yang berkaitan atau laman web institusi TVET tempatan seperti PSDC dari masa ke masa untuk mendapatkan info terkini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

13. Bagaimanakah Kerajaan Negeri bersedia menghadapi risiko kemelesetan ekonomi global yang mungkin menjejaskan pekerjaan, pelaburan dan perbelanjaan pengguna di negeri ini susulan Presiden Amerika Syarikat mengumumkan perang perdagangan dengan China?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Kerajaan Malaysia kekal neutral dalam konflik perdagangan antarabangsa dan terus mengamalkan pendekatan terbuka terhadap pelaburan asing. Seajar dengan dasar ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur dari semua negara yang juga sebahagian daripada sektor-sektor yang dipromosikan seperti elektrik dan elektronik (E&E), semikonduktor, teknologi perubatan, dan Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services atau GBS).

Kerajaan Negeri juga komited untuk memperkukuh daya tahan dan daya saing industri-industri strategik di Pulau Pinang melalui agensi pelaksana seperti InvestPenang.

Usaha-usaha berterusan sedang dijalankan untuk meningkatkan infrastruktur sokongan pelaburan, memperkemas proses pengawalseliaan dan urusan perniagaan, serta mengurangkan kos keseluruhan menjalankan perniagaan di negeri ini.

Langkah-langkah ini adalah penting bagi mengekalkan peranan strategik Pulau Pinang dalam rangkaian bekalan global, di samping memastikan pertumbuhan ekonomi negeri kekal mampan dan inklusif demi manfaat masyarakat secara keseluruhannya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

14. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan ekosistem pelaburan untuk menarik syarikat teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui ke Pulau Pinang sejajar dengan trend global menuju ekonomi karbon rendah?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah penting bagi memperkukuh ekosistem pelaburan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui, sejajar dengan trend global ke arah ekonomi karbon rendah. Antara inisiatif utama yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Pelancaran *Penang Energy Framework (PEF)*

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Rangka Kerja Tenaga Negeri iaitu *Penang Energy Framework (PEF)* yang menetapkan sasaran untuk mengurangkan intensiti tenaga sebanyak kira-kira 25% serta menjana sekurang-kurangnya 10% daripada penggunaan tenaga negeri melalui sumber tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2030;

- (b) Keperluan tenaga boleh diperbaharui bagi bangunan baharu

Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa semua bangunan awam baharu perlu memasang sistem tenaga boleh diperbaharui, di samping memperkenalkan

keperluan *Building Energy Intensity (BEI)* bagi pembangunan baharu sebagai langkah kawalan dan pemantauan penggunaan tenaga;

(c) *Projek Penang South Islands (PSI)*

Projek Penang South Islands (PSI) direka berteraskan prinsip kelestarian, dengan menumpukan kepada pembangunan kawasan industri dan bandar yang rendah karbon. Projek ini bertujuan menarik pelaburan daripada syarikat berteknologi tinggi yang mengamalkan amalan mesra alam dan hijau;

(d) Penglibatan industri dalam amalan kelestarian

Kerajaan Negeri menggalakkan pemain industri di Pulau Pinang untuk menerapkan model perniagaan berasaskan kelestarian bagi memastikan kesejahteraan alam sekitar terus terpelihara. Semakin banyak syarikat pengilangan menunjukkan komitmen terhadap amalan *Environment, Social and Governance (ESG)* dalam sistem tadbir urus serta operasi mereka. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk program kitar semula, penggunaan panel solar, serta pemasangan sistem penuaian air hujan (*rainwater harvesting system*) di premis perindustrian; dan

(e) Pengiktirafan antarabangsa terhadap amalan hijau

Semakin banyak pemain industri di Pulau Pinang telah memperoleh atau sedang berusaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa seperti *Leadership in Energy and Environmental Design (LEED)*, *Responsible Business Alliance (RBA)* dan *Green Building Index (GBI)*. Pencapaian ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memperkukuh pembangunan industri yang mampan dan berdaya saing di peringkat global.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGGALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

15. Jelaskan usaha Kerajaan / Agensi berkenaan dalam menangani dan menyelesaikan masalah pembedungan yang telah lama wujud di bandaraya George Town.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Loji Rawatan Kumbahan Serantau George Town (PEG227) yang berperanan penting dalam memproses aliran kumbahan dari kawasan George Town dan sekitarnya dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP).

Selepas loji tersebut siap dibina pada tahun 2007, Indah Water Konsortium (IWK) telah mengambil alih sebagai pengendali sistem pembedungan dari segi operasi dan penyelenggaraan. IWK telah mengambil langkah yang berterusan bagi memastikan aset-aset pembedungan uzur, termasuk paip yang telah dipasang sejak beberapa dekad lalu terus berfungsi dengan cekap dan selamat.

Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh IWK adalah pelaksanaan penilaian keadaan aset melalui pendekatan pengurusan risiko bagi mengenal pasti paip pembedungan yang telah uzur serta berisiko mengalami kegagalan struktur melalui Kajian dan Penilaian Menyeluruh Sistem Pembedungan Sedia Ada. Hasil penilaian ini digunakan untuk menentukan keutamaan kerja pembaikan dan penggantian paip di kawasan yang dikenal pasti sebagai kritikal.

Berdasarkan senarai keutamaan yang telah dikenal pasti, IWK melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan penggantian paip secara berperingkat menggunakan kaedah moden (*trenchless method*) seperti *pipe relining* dan *pipe bursting* bagi mengurangkan keperluan penggalian secara terbuka. Di samping itu, beberapa projek penaiktarafan loji rawatan dan stesen pam turut dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti rawatan serta kecekapan operasi sistem pembetulan sedia ada.

Secara keseluruhannya, IWK komited untuk terus melaksanakan kerja penyelenggaraan, pembaikan dan penaiktarafan secara berfasa dengan kerjasama rapat pelbagai agensi berkaitan bagi memastikan sistem pembetulan di George Town kekal berdaya tahan serta memenuhi piawaian kebangsaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

16. Apakah penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap kemudahan sukan di negeri Pulau Pinang dalam usaha meningkatkan prestasi atlet menuju SUKMA 2026 dan SEA Games 2027?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) tidak mensasarkan sebarang pembinaan baharu dan akan mengunapakai kemudahan sukan sedia ada yang terdapat di dalam negeri Pulau Pinang bagi penganjuran Sukan SEA pada tahun 2027 yang akan datang.

Manakala untuk menghadapi Sukan SUKMA 2026, MSNPP hanya memberi penekanan terhadap penambahbaikan peralatan latihan yang digunapakai oleh Jurulatih Sukan Negeri untuk meningkatkan prestasi serta daya saing atlet menjelang penyertaan di SUKMA pada bulan Ogos 2026. Tiada kemudahan atau naiktaraf baharu dilaksanakan pada fasiliti latihan pada tahun 2025 ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

17. Huraikan bilangan staf teknikal PBA berdasarkan kaum masing-masing.
- (a) Adakah PBA menghadapi masalah kekurangan pekerja di tapak pembaikan sewaktu musim perayaan?
 - (b) Apakah puncanya kerja-kerja pembaikan di Lebuhraya Macallum berhadapan The Fifth Avenue Hotel dibiarkan tanpa sebarang kerja di tapak melebihi satu minggu dari pertengahan sampai hujung bulan Oktober?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Komposisi bilangan staf teknikal Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berdasarkan kaum adalah seperti berikut:

Kaum	Jumlah Kakitangan Teknikal PBAPP
Melayu	544
Cina	4
India	118
Jumlah	666

Jadual di atas hanya menunjukkan kakitangan teknikal yang bergred S3 ke gred G4.

- (a) PBAPP tidak menghadapi masalah kekurangan pekerja di tapak pembaikan semasa musim perayaan kerana pihak PBAPP telah melaksanakan perancangan sumber

PBAPP telah melaksanakan perancangan sumber manusia yang rapi bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan berjalan dengan lancar. Pelaksanaan sistem kerja secara bergilir (*syif*) dan jadual tugas (*duty roster*) yang disusun khas bagi musim perayaan dan cuti umum memastikan kehadiran petugas yang mencukupi, sekali gus membolehkan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dilaksanakan dengan lancar dan berterusan. Jadual ini juga memastikan pasukan teknikal dan pasukan pembaikan sentiasa berada dalam keadaan siap siaga (*standby*) untuk memberi maklum balas segera terhadap sebarang laporan gangguan bekalan atau kejadian paip bocor. Pelaksanaan ini turut selaras dengan keperluan jadual kerja yang diluluskan oleh SPAN serta perancangan operasi semasa musim perayaan.

- (b) Masalah di Lebuh Macallum adalah berpunca daripada kerja pengorekan yang telah dijalankan di lokasi aduan, namun tiada paip air PBAPP ditemui di kawasan tersebut. Sehubungan itu, PBAPP telah melaksanakan beberapa kerja pengesanan dan pembaikan kebocoran paip di lokasi-lokasi lain di sekitar Lebuh Macallum. Walau bagaimanapun, aliran air masih dikesan di lokasi aduan berkenaan.

Proses mengesan titik sebenar kebocoran bukanlah mudah kerana ianya memerlukan kepakaran dan pengalaman sebelum kerja-kerja pembaikan dapat dimulakan. Hasil siasatan mendapati air berkenaan keluar dari saluran kabel utiliti (*duct*) bawah tanah, yang menyebabkan pengesanan punca sebenar menjadi lebih mencabar.

PBAPP telah mengambil langkah keselamatan dengan meletakkan kon keselamatan di kawasan terlibat sementara siasatan lanjut dijalankan untuk mengenal pasti sumber sebenar aliran air tersebut. PBAPP juga akan menambah baik sistem komunikasi dengan pengguna pada masa hadapan bagi memastikan makluman yang lebih jelas dan tepat dapat disampaikan kepada orang awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

18. Senaraikan lokasi-lokasi utama Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menghadapi kemungkinan bencana dan kapasiti masing-masing.
- (a) Huraikan prosedur pengaktifan PPS, sama ada setelah amaran cuaca dikeluarkan atau setelah berlakunya bencana.
 - (b) Bagaimanakah maklumat berkenaan dengan maklumat pemindahan kecemasan dikendalikan kepada penduduk dan warga Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Lokasi-lokasi utama Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dikenal pasti di seluruh negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 291 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang boleh diaktifkan pada bila-bila masa sekiranya berlaku bencana.

SENARAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2025	
DAERAH	JUMLAH PPS
TIMUR LAUT	118
BARAT DAYA	30
SEBERANG PERAI UTARA	59
SEBERANG PERAI TENGAH	59
SEBERANG PERAI SELATAN	25
JUMLAH KESELURUHAN	291

Sumber rujukan dari semua pihak Pejabat Daerah dan Tanah (Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan) di Pulau Pinang.

- (a) Dalam mekanisme pengurusan bencana yang ditetapkan dalam Arahan NADMA No. 1, Agensi Tindak Balas dan/atau Agensi Teknikal perlu membuat penilaian sejauh mana kejadian yang berlaku memerlukan Tindak Balas mekanisme pengurusan bencana. Dalam konteks banjir, MetMalaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan membuat penilaian tahap ramalan cuaca dan paras air dan akan mengeluarkan amaran cuaca atau paras air. Maklumat tersebut disalurkan kepada Pejabat Daerah dan agensi yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) sebagai salah satu langkah kesiapsiagaan menghadapi bencana.

Prosedur pengaktifan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akan dilaksanakan setelah sesuatu bencana berlaku di daerah dalam negeri Pulau Pinang. Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) akan mengarahkan pembukaan rasmi PPS setelah mendapat nasihat dan pandangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Sekretariat JPBD iaitu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah.

- (b) Maklumat berkenaan dengan maklumat pemindahan kecemasan dikendalikan kepada penduduk dan warga Pulau Pinang adalah melalui rangkaian komunikasi rasmi dan bersepadu antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan komuniti. Berikut ialah cara pengurusan maklumat tersebut disampaikan kepada penduduk secara teratur:

- (i) **Penyebaran Maklumat Kepada Penduduk**

Maklumat tentang pengaktifan PPS dan arahan pemindahan akan disebarkan oleh agensi pengurusan bencana seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan agensi-agensi yang terlibat sewaktu bencana melalui pelbagai saluran supaya maklumat

disampaikan dengan cepat dan pantas kepada penduduk dan masyarakat.

(ii) Pengumuman di Lapangan

Pengumuman kecemasan dilaksanakan oleh PDRM, APM, RELA dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menggunakan pembesar suara bergerak (mobile PA system) atau rondaan ke kawasan atau daerah yang terlibat dengan bencana. Agensi tersebut akan memaklumkan lokasi PPS, masa pemindahan dan laluan selamat kepada penduduk atau masyarakat sekitar.

(iii) Media Rasmi & Digital

Maklumat tentang bencana juga disebarikan melalui Facebook rasmi Pejabat Daerah, JKM, APM dan JPBN.

(iv) Aplikasi Bencana

Info berkaitan bencana juga disebarikan di aplikasi seperti MyPublicInfoBanjir (JPS), InfoBencanaJKM (JKM), Mycuaca (MET Malaysia), Portal Bencana (NADMA) dan Penang Alert (SUK Pulau Pinang) sebagai langkah kesiapsiagaan bencana kepada semua pihak. Pesanan ringkas (SMS), *WhatsApp* komuniti, Telegram rasmi, dan siaran radio tempatan juga memainkan peranan dalam penyebaran maklumat berkaitan bencana.

(v) Ketua Komuniti

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Penghulu dan ketua kampung akan menerima maklumat daripada Pusat Kawalan Daerah (PKOB) dan berperanan dalam menyebarkan maklumat tersebut terus kepada penduduk di kawasan masing-masing. Tambahan pula, orang awam atau penduduk boleh mendapatkan maklumat berkaitan bantuan, maklumat PPS terdekat dan maklumat lain di Bilik Gerakan di daerah masing-masing melalui panggilan di talian yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

19. Huraikan statistik terkini yang menunjukkan penurunan kejadian banjir, termasuk bilangan kejadian per tahun di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah sistem pengesanan kenaikan paras air sungai oleh pihak JPS / MBPP masih berfungsi baik?
 - (b) Jelaskan bagaimana sistem tersebut dapat membantu dalam pemindahan kecemasan penduduk sekitar sungai sebelum air sungai melimpah dan berlakunya banjir.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Berdasarkan kepada data lima (5) tahun terkini kejadian banjir, terdapat nilai penurunan berlakunya kejadian banjir di negeri Pulau Pinang secara keseluruhan pada tahun 2025 yang direkodkan sehingga 24 Oktober 2025 berbanding tahun sebelumnya yang direkodkan seperti perincian di bawah. Walau bagaimanapun, sehingga tempoh yang dinyatakan, terdapat peningkatan kejadian banjir bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Barat Daya (DBD). Manakala, Daerah Timur Laut (DTL) dan Seberang Perai Selatan (SPS) menunjukkan nilai penurunan.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya banjir saban tahun. Hal ini perlu dilihat secara menyeluruh memandangkan terdapat punca-punca yang disebabkan oleh perubahan cuaca dan iklim dunia serta kejadian air pasang besar di luar jangka. Walau bagaimanapun, setiap kejadian yang berlaku, JPS memainkan

peranan dan tanggungjawab dalam memastikan maklumat awal dapat disalurkan segera kepada masyarakat. Perincian statistik kejadian banjir adalah seperti berikut:

KEJADIAN BANJIR TAHUN 2020 HINGGA 24 OKTOBER 2025

TAHUN	BILANGAN KEJADIAN BANJIR BERDASARKAN LAPORAN BANJIR SEMASA					JUMLAH
	DAERAH DTL	DAERAH DBD	DAERAH SPU	DAERAH SPT	DAERAH SPS	
2020	5	3	7	6	7	28
2021	4	15	2	2	7	30
2022	0	4	2	3	6	15
2023	16	10	6	10	7	49
2024	6	6	9	12	14	47
2025	4 (sehingga 24 Oktober 2025)	12 (sehingga 24 Oktober 2025)	12 (sehingga 24 Oktober 2025)	14 (sehingga 24 Oktober 2025)	3 (sehingga 24 Oktober 2025)	45 (sehingga 24 Oktober 2025)

Nota: Jumlah kejadian banjir ini adalah berdasarkan jumlah Laporan Banjir Semasa yang disediakan pada tahun tersebut

- (a) Sehingga kini, sistem pengesanan kenaikan aras air sungai berada dalam keadaan baik dan dipantau secara harian dan berkala melalui laman web Public Infobanjir atau Sistem Pengoperasian Hidrologi Telemetri Negeri (SPHTN) dan di tapak. Sekiranya berlaku kerosakan, pembaikan dibuat dengan kadar segera untuk memastikan sistem pengesanan ini dapat beroperasi dengan baik pada masa yang diperlukan serta tempoh pembaikan bergantung kepada ketersediaan alat ganti sedia ada di negeri.
- (b) Di Negeri Pulau Pinang terdapat stesen-stesen ramalan dan amaran banjir yang disediakan untuk memberikan maklumat awal kepada semua masyarakat untuk mengambil tindakan selanjutnya. Stesen-stesen yang disediakan antaranya melibatkan stesen hujan, stesen aras air dan siren yang boleh dilihat secara terus dan dipantau oleh umum melalui laman sesawang rasmi Public Infobanjir dan SPHTN Pulau Pinang yang mana memberikan maklumat daripada stesen-stesen yang terdapat di kelima-lima (5) daerah. Daripada maklumat yang dipaparkan tersebut, siren-siren di lokasi yang disediakan akan berbunyi di peringkat amaran dan bahaya. Setiap masyarakat boleh mengambil tindakan awal untuk menyimpan

barangan, berpindah atau bergerak ke PPS sehingga air kembali surut. Dalam masa yang sama JPS turut akan mengerjakan aset-aset sedia ada seperti pam bergerak, mengaktifkan pintu air, rumah pam dan kenderaan (lori, lori crane, backhoe). Manakala, di peringkat agensi teknikal, pemakluman awal ramalan dan amaran banjir turut dimaklumkan secara terus ke pusat pengurusan bencana negeri/daerah untuk siapsiaga bagi sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

20. Apakah kadar hakisan yang direkodkan di persisiran pantai Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2023?
- (a) Nyatakan langkah mitigasi jangka masa pendek dan panjang yang telah atau bakal diambil untuk menangani hakisan tanah di persisiran pantai.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kajian Hakisan Pantai Negara (National Coastal Erosion Study, NCES) yang disiapkan pada tahun 2015 merekodkan lima puluh satu (51) lokasi hakisan pantai di Pulau Pinang. Ini merangkumi tujuh (7) lokasi pada Kategori 1 (critical erosion), tiga belas (13) lokasi pada Kategori 2 (Significant Erosion) dan tiga puluh satu (31) lokasi pada Kategori 3 (Acceptable Erosion). Statistik hakisan pantai terbaharu sedang dikemaskini melalui Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (Integrated Shoreline Management Plan, ISMP) yang dijangka siap dikemaskini pada 23 Jun 2027.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) sentiasa memantau keadaan sungai dan pantai di Negeri ini bagi memastikan ia berfungsi dengan optimum. Dalam situasi kecemasan, JPSPP akan melaksanakan kerja-kerja pencegahan segera sekiranya terdapat kejadian limpahan air laut ke kawasan berhampiran. Kerja-kerja ini adalah langkah kawalan di tapak bagi mengelakkan situasi menjadi lebih buruk.

Antara mitigasi jangka pendek yang dilaksanakan oleh JPSP untuk menangani hakisan pantai adalah:

- (i) Pembinaan struktur perlindungan pantai sementara seperti pemasangan beg geo (geobag) atau pelindung (revetment) di kawasan kritikal;
- (ii) Kerja-kerja pengisian pasir (beach nourishment) bagi menambah semula pasir di kawasan yang terhakis untuk menstabilkan pantai; dan
- (iii) Pemantauan berkala bagi mengenal pasti kawasan berisiko tinggi.

Langkah mitigasi jangka panjang yang dilaksanakan pula adalah melalui kaedah struktur dan bukan struktur. Untuk langkah struktur, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan persekutuan pada tahun 2024 untuk melaksanakan tiga (3) projek Fenomena Air Pasang Besar (FAPB) seperti berikut:

- (i) Projek pembinaan dan pembaikan ban pantai di persisiran Pantai Bagan Ajam, Daerah Seberang Perai Utara;
- (ii) Projek pembinaan ban Pantai Byram, Muara Sungai Kerian Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan; dan
- (iii) Projek pembinaan dan pembaikan ban pantai di Pantai Mak Minah, Juru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Untuk langkah bukan struktur, JPS Malaysia kini sedang melaksanakan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Pulau Pinang dengan objektif kajian seperti berikut:

- (i) Penilaian dan pemilihan strategi pengurusan pembangunan pantai supaya pembangunan di kawasan pantai boleh dilaksanakan secara mampan;
- (ii) Penilaian dan pemilihan opsyen pertahanan untuk garis pantai; dan

- (iii) Perumusan Garis Panduan Khusus dan Dasar untuk Aktiviti/ Cadangan Pembangunan di kawasan pantai.

Output daripada kajian ISMP ini adalah seperti berikut:

- (i) Inventori pantai dan aset kawasan pantai;
- (ii) Cadangan jenis struktur perlindungan untuk kawasan hakisan;
- (iii) Garis panduan pembangunan di kawasan pantai;
- (iv) Penentuan anjakan pembangunan (setback) untuk pantai; dan
- (v) Cadangan bentuk pembangunan guna tanah yang sesuai dengan objektif yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

21. Huraikan data yang diterima sejak tandas pintar MBPP Pasar Lebuh Cecil dibuka kepada orang awam, termasuk jumlah penggunaan harian, aduan / kadar kepuasan pengguna.
- (a) Huraikan impak penjimatan tenaga dan air dengan sistem pengumpulan air hujan dan sensor di tandas ini.
 - (b) Adakah tandas pintar ini projek berjaya dan bakal ditambahkan lagi di tempat awam lain?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui sistem pendaftaran kemasukan menggunakan kod QR bayaran, purata penggunaan tandas pintar MBPP di Pasar Lebuh Cecil secara harian telah direkodkan seramai 230 orang.

Berdasarkan rekod MBPP, sebanyak lima (5) aduan telah diterima bagi tandas pintar MBPP di Pasar Lebuh Cecil pada tahun 2024 melibatkan kerosakan sistem siraman tandas (*flush*) dan bekalan air rendah. Bilangan aduan ini berkurangan bagi tahun 2025 dengan hanya satu (1) aduan diterima melibatkan kerosakan bumbung. Pengurangan aduan ini menunjukkan kadar kepuasan pengguna telah meningkat bagi tahun 2025.

- (a) Analisis impak penjimatan bagi tenaga elektrik, air dan sistem pengumpulan air hujan serta penderia (*sensor*) pada sistem siraman di tandas ini adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- (b) Pelaksanaan tandas pintar ini telah menunjukkan kejayaan yang positif dan mendapat maklum balas yang baik daripada orang awam. Kejayaan tersebut dapat dilihat melalui peningkatan tahap kebersihan, kemudahan akses serta penggunaan teknologi bagi memudahkan transaksi bayaran oleh pengguna.

Berikutan itu, MBPP komited untuk memperluaskan pelaksanaan tandas pintar di kawasan awam, dengan sasaran sekurang-kurangnya satu unit setiap tahun. Antara lokasi yang dicadangkan untuk dinaik taraf kepada tandas pintar bagi tahun 2026 adalah seperti berikut:

- (i) Tandas Awam Pasar Jelutong;
- (ii) Tandas di Kompleks Farlim;
- (iii) Tandas di Pengkalan Weld;
- (iv) Tandas di Kampung Baru;
- (v) Tandas di Persiaran Gurney; dan
- (vi) Tandas di Kampung Baru.

Pada tahun 2025, sebanyak 21 unit tandas lelaki dan wanita telah dinaik taraf berbanding tahun sebelumnya iaitu 11 unit tandas. Penjimatan bagi bil air dan elektrik adalah seperti di bawah:

(a) Perbandingan bagi bil air tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di jadual di bawah.

Bulan	Bil Air (PBA) / RM					
	Bil Keseluruhan			Perbandingan Per Unit		
	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Perbezaan	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Penjimatan
Januari	779.1	1,253.49	- 474.39	70.83	59.69	11.14
Mac	690.9	847.70	- 156.80	62.81	40.37	22.44
Mei	836.85	847.70	- 10.85	76.08	40.37	35.71
Julai	780.43	1,704.85	- 924.42	70.95	81.18	- 10.24
September	786.94	1,023.47	- 236.53	71.54	48.74	22.80
PENJIMATAN			- 1,802.99			81.86

Perbandingan penggunaan air ini adalah lebih realistik apabila mengambil kira peningkatan jumlah kemudahan daripada 11 unit kepada 21 unit selepas kerja naik taraf dilaksanakan. Secara keseluruhannya, terdapat penjimatan kos bil air sebanyak RM81.86, dengan mengambil andaian bahawa penggunaan air bagi tujuan pembersihan adalah sama sebelum dan selepas naik taraf tandas. Penjimatan ini turut disumbang melalui penggunaan teknologi seperti *smart sensor* pada sinki dan *urinal*, selain pelaksanaan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) yang digunakan secara menyeluruh.

(b) Perbandingan bagi bil elektrik bagi tahun 2024 dan 2025 adalah seperti jadual di bawah.

Bulan	Bil Elektrik (TNB) / RM					
	Bil Keseluruhan			Perbandingan Per Unit		
	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Perbezaan	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Penjimatan
Januari	253.57	55.80	197.95	23.07	2.66	20.41
Februari	231.00	43.15	187.85	21.00	2.05	18.95
Mac	254.85	45.00	209.85	23.17	2.14	21.03
April	264.25	43.15	221.10	24.02	2.05	21.97
Mei	262.05	232.15	29.90	23.82	11.05	12.77
Jun	261.55	-	261.55	23.78	0.00	23.78
Julai	233.10	372.25	- 139.15	21.19	17.73	3.46
Ogos	262.50	781.70	- 519.20	23.86	37.22	- 13.36
September	255.40	414.30	- 158.90	23.22	19.73	3.49
PENJIMATAN			290.95			112.49

Penjimatan penggunaan elektrik turut dapat dilihat selepas pelaksanaan kerja naik taraf, dengan jumlah penjimatan direkodkan sebanyak RM112.49. Penggunaan tenaga solar juga diperkenalkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber elektrik

konvensional. Butiran bil air (bagi bulan Julai 2025) dan bil elektrik (bagi bulan Ogos 2025) turut mengambil kira peningkatan penggunaan semasa musim perayaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

22. Nyatakan prosedur bagaimana tanah melalui penambakan didaftar oleh Pejabat Tanah.
- (a) Nyatakan jangka masa bagi tanah tambun di tepi pantai Pangsapuri Pelangi, Gat Lebu Macallum bakal didaftar dalam inventori Pejabat Tanah.
 - (b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dan status terkini bagi tanah tersebut yang telah pun terbiar selama ini dan mendatangkan kacau ganggu kepada komuniti tempatan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. (a) Plot 1 dan Plot 2 di tepi pantai Pangsapuri Pelangi, Gat Lebu Macallum merupakan tanah kerajaan yang diperoleh melalui kaedah tebus guna (reclamation).
- (b) Bagi Plot 1, Pihak Berkuasa Negeri melalui mesyuarat pada 11.12.2024 telah meluluskan pemberimilikan kepada Perbadanan Bekalan Air (PBA) Pulau Pinang.

Bagi Plot 2, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJKTN) bertarikh 21.11.2024 telah memberikan kelulusan dasar/prinsip terhadap permohonan pemberimilikan kepada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Pulau Pinang bagi tujuan mendirikan pembangunan pusat pentadbiran, jeti dan kuarters maritim Negeri Pulau Pinang.

Susulan keputusan tersebut, Kerajaan Negeri pada 3.12.2024 memohon pihak APMM untuk mengemukakan permohonan pemberimilikan secara rasmi melalui Kementerian Dalam Negeri dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Surat permohonan pengesahan perancangan permohonan pemberimilikan telah dikemukakan pada 28.10.2025 dan pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) kini sedang menunggu pengesahan rancangan permohonan pemberimilikan daripada pihak APMM.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

23. Apakah perkembangan terkini projek rintis penanaman padi ratun?
- (a) Senaraikan lokasi dan keluasan projek rintis padi ratun yang akan terlibat pada peringkat awal.
 - (b) Huraikan sokongan teknikal, kewangan dan tenaga kerja yang bakal disediakan kepada MARDI bagi projek perintis ini.
 - (c) Bagaimanakah hasil projek ini dapat memanfaatkan pesawah Negeri Pulau Pinang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek rintis penanaman padi ratun di Malaysia.
- (a) Projek rintis padi ratun ini akan dijalankan di MARDI Seberang Perai dengan melibatkan keluasan penanaman seluas satu (1) ekar.
 - (b) Projek rintis ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama seperti yang berikut:
 - (i) Kerjasama penyelidikan melalui suntikan dana daripada syarikat tempatan atau dana Kerajaan

Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi menampung kos operasi dan tenaga kerja;

- (ii) Jalinan kerjasama dengan kumpulan pakar daripada Fujian Agriculture and Forestry University, China (FAFU) sebagai rujukan pasukan pelaksana tempatan khususnya MARDI serta perkongsian kepakaran dengan penyelidik tempatan. Kos pengurusan yang berkaitan dengan kumpulan pakar FAFU akan ditanggung sepenuhnya oleh pemberi dana;
 - (iii) Varieti padi tempatan sedia ada seperti MR 297 dan MR 333 boleh dinilai bagi melihat kesesuaian dan adaptasi dengan kaedah ini; dan
 - (iv) Output kajian seperti laporan teknikal, analisa untung rugi, analisa risiko persekitaran dan tahap penerimaan pesawah terhadap kaedah penanaman ini juga perlu diambil kira.
- (c) Sekiranya projek ini memberi dapatan yang positif dari segi pengeluaran hasil dan mengurangkan kos input dan operasi, ia boleh diperkenalkan dan dipraktikkan oleh pesawah di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

24. Huraikan inisiatif baharu Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan ekosistem keusahawanan di Pulau Pinang, khususnya usahawan mikro dan pengusaha kecil.
- (a) Senaraikan bantuan kewangan / *grant* Kerajaan Negeri kepada pengusaha SME termasuk syarat dan kelayakan.
 - (b) Nyatakan langkah yang diambil bagi mempromosikan produk tempatan Pulau Pinang ke pasaran antarabangsa.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama agensi pelaksana seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Digital Penang dan Penang Women's Development Corporation (PWDC) terus memperkukuhkan ekosistem keusahawanan negeri melalui penambahbaikan dan peluasan pelaksanaan program sedia ada di samping memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih berfokus kepada peningkatan daya saing, pendigitalan dan akses pasaran antarabangsa. Antara inisiatif tersebut termasuk pelaksanaan program latihan keusahawanan, penyediaan ruang niaga, serta penganjuran program pembangunan kapasiti dan promosi

produk tempatan bagi meningkatkan daya saing usahawan Pulau Pinang.

(a) Bantuan kewangan / *grant* Kerajaan Negeri kepada pengusaha SME termasuk syarat dan kelayakan adalah seperti yang berikut:

(i) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC):

PDC bertindak sebagai agensi pelaksana bagi Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang ditawarkan kepada usahawan mikro di Pulau Pinang.

Skim 1 – Pinjaman antara RM5,000.00 hingga RM25,000.00

Syarat utama:

- 1) Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun dan pengundi di Pulau Pinang.
- 2) Berniaga dan menetap di Pulau Pinang serta beroperasi lebih enam (6) bulan.
- 3) Mempunyai lesen perniagaan sah dan akaun bank atas nama syarikat.
- 4) Tidak disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan.

Skim 2 – Pinjaman antara RM26,000.00 hingga RM50,000.00

Tambahan syarat:

- 1) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga pekerja tetap yang mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- 2) Jualan kasar bulanan antara RM26,000.00 hingga RM50,000.00 bagi tiga bulan terakhir.
- 3) Disokong oleh seorang penjamin;

(ii) Digital Penang

Bagi syarikat pemula (startup), Digital Penang menyediakan Market Access Grant, iaitu geran khusus kepada syarikat perisian di peringkat awal (*seed stage*). Setiap syarikat layak menerima sehingga RM20,000.00 bagi tujuan pembangunan pasaran termasuk kolaborasi strategik dan penyertaan program antarabangsa. Syarat utama termasuk pelaburan sendiri sebanyak RM2,000.00, mempunyai produk di pasaran serta pendapatan tahunan tidak melebihi RM500,000.00. Tempoh pelaksanaan geran adalah kurang daripada 12 bulan.

Selain itu, MSME Level Up Program (MELUP) turut dilaksanakan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) meningkatkan tahap pendigitalan dan keupayaan bersaing dalam pasaran digital melalui bengkel dan bimbingan strategik; dan

(iii) Penang Women's Development Corporation (PWDC)

PWDC tidak menawarkan geran kewangan secara langsung, sebaliknya memberi tumpuan kepada program pembangunan kapasiti dan bimbingan bagi memperkasa keupayaan usahawan wanita di Pulau Pinang. PWDC melaksanakan Program PenMentor, iaitu inisiatif khusus bagi memperkukuh keusahawanan wanita mikro dan kecil. Program ini memberi tumpuan kepada kemahiran pemasaran digital, strategi penjenamaan dan pengurusan perniagaan, serta bimbingan intensif selama tiga bulan bersama mentor industri. Sejak dilaksanakan enam tahun lalu, sebanyak 435 usahawan wanita telah menamatkan program ini dengan peningkatan jualan purata sebanyak 30%, membuktikan keberkesanan inisiatif ini dalam memperkasa keusahawanan wanita di Pulau Pinang.

- (b) Langkah yang diambil bagi mempromosikan produk tempatan Pulau Pinang ke pasaran antarabangsa

Kerajaan Negeri, melalui kerjasama antara PDC, Digital Penang, Penang Halal International (PHI) dan PWDC, terus memperkukuh promosi produk tempatan ke pasaran global melalui pelbagai pendekatan strategik, antaranya:

- (i) Penyertaan dalam pameran dan misi perdagangan antarabangsa, termasuk:

- 1) MIHAS 2025, MITEC, Kuala Lumpur (17–20 September 2025);
- 2) “Penang Week” di World Expo 2025 Osaka (22–24 September 2025);
- 3) Melaka International Halal Festival (MIHF) 2025 (16–19 Oktober 2025);
- 4) MIHAS @ Shanghai 2025 (5–10 November 2025); dan
- 5) Pemas International Franchise Festival 2025, Big Sale Sabah 2025 dan Jelajah Usahawan Pulau Pinang @ Kuala Lumpur.

- (ii) Market Access Programme & MELUP (Digital Penang)

Program ini memberi peluang kepada syarikat pemula dan PMKS meneroka potensi pasaran antarabangsa serta membina kolaborasi teknologi dengan rakan industri luar negara. Antara kejayaan yang dicapai termasuk:

- 1) ADA Biotech – Pemenang *Techsauce Innovation Award 2024 (Thailand)*;
- 2) Spacein Sdn. Bhd. – Pingat Perak *the Crown Prince Cipta Award (Brunei)*;
- 3) Haroct Technologies – *Food Systems Change Market Impact Award 2025*;

- 4) Zero Technologies – *AI Rising Award* (Technology & Art Festival, China); dan
- 5) Formedic Technologies – *MYIIC Luminary Award* (Malaysia).

Pada tahun 2025, program ini turut diperluas kepada PMKS, di mana 10 syarikat tempatan telah dibawa ke Thailand untuk sesi perkongsian pengetahuan dan pasaran; dan

- (iii) Pembangunan kapasiti dan promosi digital Kerajaan Negeri melalui Digital Penang turut memperkukuh penggunaan platform e-dagang dalam kalangan usahawan tempatan bagi memperluas capaian ke pasaran antarabangsa melalui pendekatan digital dan promosi bersepadu.

Secara keseluruhannya, usaha bersepadu melalui PDC, Digital Penang, PHI dan PWDC membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri serta memastikan usahawan mikro, wanita dan PMKS Pulau Pinang mampu menembusi pasaran antarabangsa dengan lebih berdaya saing dan mampan.